

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 APRIL 2017

Integrasi ekonomi ASEAN

■ MANILA 28 APRIL

ASEAN perlu mengintegrasikan ekonomi setiap negara anggotanya untuk menjadikan rantau ini pasaran signifikan dunia, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, ekonomi ASEAN kini bergerak jauh lebih pantas berbanding rantau lain di dunia dan menjelang 2050, adalah diunjurkan ekonomi rantau ini bernilai lebih AS\$9.2 trilion, menjadikannya ekonomi keempat terbesar di dunia.

“Angka yang saya nyatakan ini adalah amat besar dan untuk mencapainya, cabaran besar yang perlu ditempuhi ialah mengintegrasikan ekonomi setiap negara anggota bagi membolehkan ASEAN menjadi pasaran dunia yang



ZAHARUDDIN MOHD. ALI

Melaporkan dari MANILA, FILIPINA

signifikan,” tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Kemakmuran Untuk Semua anjuran Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC) di City of Dreams di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Perdana Menteri berada di sini bagi menghadiri Sidang Kemun-

cak ASEAN Ke-30.

Menurut Najib lagi, angka Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mendapati purata tarif dalam kalangan negara ASEAN adalah pada kadar empat peratus pada 2015 dan usaha perlu digerakkan ke arah mencapai tarif sifar.

Selain itu katanya, usaha juga perlu dilakukan bagi menambah baik perdagangan intra-ASEAN kerana untuk mencapai sasaran nilai dagangan AS\$9.2 trilion menjelang 2050, kos urusniaga perlu dikurangkan 20 peratus.

Katanya, apa yang penting, halangan dan langkah-langkah perdagangan bukan tarif (NTB) dan NTM dikurangkan dan akhirnya dihapuskan dan itu sebenarnya satu cabaran dalam kalangan setiap negara anggota ASEAN.

Menurut beliau, masih banyak

yang perlu dilakukan kerana antara tahun 2000 hingga 2015, NTB dan NTM dalam kalangan ASEAN meningkat daripada 1,634 kepada 5,975.

“Ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan perlu di semak dan dikurangkan,” tegas beliau.

Bagi mencapai matlamat ekonomi bernilai AS\$ 9.2 trilion, katanya lagi, ASEAN tidak mempunyai alternatif selain mengurangkan NTB dan NTM sebanyak 50 peratus dan ia memerlukan usaha bersepadu semua menangani masalah ini.

Dalam ucapan tersebut, Najib turut berkongsi pengalaman Malaysia dalam memakmurkan negara dengan memperkenalkan program yang memberi manfaat kepada rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. -UTUSAN



NAJIB TUN RAZAK (empat, kiri) menerima cenderahati selepas menyampaikan ucapan pada Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 di Manila, semalam. -BERNAMA